

NO. SOALAN: 65

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK WIRA HAJI AHMAD BIN HAMZAH
[JASIN]**

TARIKH : 27 MEI 2015

RUJUKAN : 7905

SOALAN:

Datuk Wira Haji Ahmad bin Hamzah [Jasin] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan output dan outcome inisiatif memulihkan tahap keselamatan dan keamanan Malaysia yang telah merosot dari tangga ke 19 pada tahun 2011 ke tangga 33 pada tahun 2014, menurut Global Peace Index.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, *Global Peace Index (GPI)* merupakan petunjuk keamanan global yang dikeluarkan oleh Institut Ekonomi Dan Keamanan (IEP). Teras pengukuran GPI adalah bersumberkan faktor multi dimensi yang memfokuskan tiga teras utama iaitu dalam konteks Konflik Domestik dan Antarabangsa, Keselamatan Awam dan Ketenteraan manakala terdapat 22 indikator yang berasingan yang diberi tumpuan dalam pengukuran bagi menentukan kedudukan GPI sesebuah negara. Antara indikator-indikator tersebut ialah keadaan dan kestabilan politik dalam negara, kekerapan jenayah kekerasan, protes atau kekerapan demonstrasi jalanan serta nisbah kekuatan anggota polis dan masyarakat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, kedudukan Malaysia merosot dari kedudukan ke-19 pada tahun 2011 kepada kedudukan ke-33 pada tahun 2014 antara puncanya berlaku demonstrasi kerana tidak berpuas hati dengan dasar dan peraturan Kerajaan contohnya Demonstrasi Kita Lawan, Demonstrasi Gerakan Hapuskan Akta Hasutan (GHAH), Demonstrasi Menuntut Royalti Minyak di Kelantan, Demonstrasi Anti-Lynas dan Perhimpunan Aman Mahasiswa.

Bagi memastikan keselamatan negara terus berada di tahap yang amat baik dan terkawal, Kerajaan telah memperkenalkan program NKRA Mengurangkan Jenayah di bawah Program Transformasi Kerajaan (GTP). Selain itu, Kerajaan juga telah melaksanakan pelbagai inisiatif PDRM dengan menubuhkan beberapa pasukan khas seperti *Special Task Force On Organised Crime (STAFOC)*, *Special Task force For Anti Vice, Gaming And Gangsterism (STAGG)* dan *Special Tactical Intelligence Narcotics Group (STING)* bagi membanteras jenayah. Penubuhan *Eastern Sabah Security Command (ESSCOM)* bagi memperkukuhkan lagi kedaulatan dan keselamatan kawasan pantai timur Negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menjamin keselamatan dan keamanan rakyat di negara ini, Kerajaan telah mengambil langkah proaktif dengan mengubal akta seperti Akta Perhimpunan Aman 2014, Akta Hasutan (Pindaan) 2015, Akta Pencegahan Jenayah (Pindaan) 2015 (POCA) dan Akta Pencegahan Keganasan Dalam Dan Luar Negara 2015 (POTA).

Usaha-usaha Kerajaan telah terbukti dengan pencapaian indeks jenayah tahun 2014 telah menurun sebanyak 12.6% daripada 5% yang disasarkan. Berdasarkan kajian Frost & Sullivan 2014, kepuasan rakyat terhadap perkhidmatan PDRM juga telah meningkat sebanyak 92.5% daripada 80% yang disasarkan.

Sebagai kesimpulan, di bawah Program Transformasi Kerajaan (GTP) semua inisiatif-inisiatif telah dilaksanakan dan membawa impak yang positif terhadap keselamatan negara khususnya dalam usaha mengurangkan kadar jenayah. Sungguhpun kadar jenayah telah menurun, namun Kerajaan belum berpuas hati dengan keadaan sekarang dan akan terus berusaha dengan penuh gigih bagi memastikan negara ini menjadi lebih selamat, tenteram dan aman.